

**Najib Sifatkan Johor Sebagai 'kawasan Tadahan Pelaburan' Yang Bawa Keuntungan Kepada Rakyat  
Bernama  
22 September, 2012**

JOHOR BAHRU, 22 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan Johor sebagai 'kawasan tadahan pelaburan' dengan kemasukan pelaburan-pelaburan besar yang membawa keuntungan kepada rakyat keseluruhannya.

Berucap pada majlis perasmian persidangan perwakilan berkelompok Umno bahagian Johor Baharu, Kota Tinggi, Kulai dan Tanjong Piai, di sini, Najib membayangkan akan mengumumkan lagi pelaburan-pelaburan lain di Johor yang lebih besar jumlahnya tidak lama lagi.

"Banyak lagi nasib orang Johor. Saya tidak boleh umum lagi tetapi ia pelaburan besar.

"Bukan kecil (pelaburan)...hebat tu...Legoland hendak buka malam ini...pelaburan baru ini lebih besar dari pelaburan di Studio Pinewood," katanya di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Sabtu.

Najib berkata pelaburan terbaru itu kelak merupakan satu rahmat daripada Allah S.W.T kepada rakyat negeri ini yang sekaligus melambangkan kejayaan kerajaan yang memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Antara pelaburan terbesar yang dibangunkan di Johor ialah projek pembangunan berimpak tinggi Iskandar Malaysia dan projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (Rapid) bernilai RM60 bilion oleh syarikat minyak negara, Petronas, di Pengerang dekat Kota Tinggi.

Iskandar Malaysia yang dilancarkan pada November 2006 di kawasan seluas 2,217 kilometer direkodkan menerima pelaburan terkumpul daripada pelabur tempatan dan asing sebanyak RM95.45 bilion sehingga Jun lepas.

Beberapa projek dibangunkan di kawasan berkenaan, antaranya Studio Pinewood, Legoland Malaysia, Cruyff Court Iskandar, Johor Premium Outlet, kampus Newcastle University Medicine dan kampus University of Southampton.

Rapid pula, apabila pembinaannya siap pada 2016 akan muncul sebagai kompleks penapisan minyak dan petrokimia terbesar di Asia.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696570>